

# 3,500 bakal berentap dalam Resolution Run 2020

**KUALA LUMPUR** – Seramai 3,500 peserta bakal menyertai larian 'Resolution Run' 2020 anjuran Sun Life Malaysia yang akan berlangsung di D'Sun Zone, Taman Tasik Perdana pada 12 Januari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden Sun Life Malaysia, Raymond Lew berkata, larian tersebut dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan dan bersama-sama merealisasikan resolusi untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

"Saya gembira melihat ra-

mai yang telah mula menyedari keperluan kepada gaya hidup lebih sihat dan berharap kesedaran ini dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang lebih bermakna pada tahun ini.

"Dengan penganjuran acara sebegini, kami berharap perubahan dapat dilakukan dan dilihat bukan sahaja sekadar larian masyarakat di pelbagai peringkat usia malah untuk mengubah persepsi orang ramai yang ingin memulakan kehidupan ke arah yang lebih sihat,"

ujarnya ketika ditemui di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Raymond menjelaskan, 'Resolution Run' 2020 merupakan edisi keempat dianjurkan dengan matlamat menggalakkan masyarakat memulakan tahun baharu dengan gaya hidup sihat dan sejahtera di samping kekal aktif.

Larian tersebut bukan sahaja akan diadakan di Malaysia malah di unit perniagaan Asia Sun Life yang lain seperti Indonesia, Filipina, Hong Kong dan Vietnam.



**RESOLUTION Run 2020 anjuran Sun Life Malaysia galak gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat. Gambar hiasan**